

30 OCT 2003

Mahathir-Dana

DANA HARAPAN UNTUK GERAK SUMBER KEWANGAN BUMIPUTERA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan menubuhkan Dana Harapan, sebuah institusi pelaburan yang baru, dalam usaha untuk menarik dan menggerakkan sumber kewangan Bumiputera.

"Langkah ini akan membolehkan pengenalan keluaran unit amanah yang inovatif dan mengembangkan lagi peluang pelaburan untuk Bumiputera," kata Perdana Menteri semasa membentangkan laporan kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8) 2001-2005 di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau berkata kerajaan juga akan memberikan sekurang-sekurangnya 60 peratus daripada perolehan dan kerja kontrak dalam projek kerajaan kepada Bumiputera yang menunjukkan kecekapan dan bersikap bertanggungjawab dalam melaksanakan kontrak yang diberikan kepada mereka.

"Lebih banyak usaha diperlukan untuk menyediakan peluang kepada Bumiputera dalam sektor terpilih sekiranya sasaran 30 peratus ekuiti Bumiputera menjelang tahun 2010 ingin dicapai," kata Dr Mahathir yang akan melepaskan jawatan Perdana Menteri yang telah disandang selama 22 tahun, esok.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan, berkata kerajaan menyedari usaha untuk meningkatkan ekuiti golongan itu dalam tempoh akhir dalam rancangan pembangunan lima tahun itu, akan menjadi lebih mencabar terutama berikutan globalisasi dan liberalisasi pasaran yang lebih luas.

Dalam tempoh kajian separuh penggal RM-8, semua kumpulan etnik mencatatkan peningkatan hak milik modal saham. Hak milik modal saham Bumiputera telah meningkat daripada RM63 bilion pada 2000 kepada RM73.2 bilion pada 2002, iaitu pertumbuhan sebanyak 7.8 peratus setahun.

Bagaimanapun, peratusan ekuiti saham Bumiputera telah berkurangan sedikit daripada 18.9 peratus pada tahun 2000 kepada 18.7 peratus pada 2002.

Peratusan hak milik modal saham masyarakat Cina meningkat kepada RM159.8 bilion pada 2002, tumbuh 11.2 peratus manakala ekuiti masyarakat India berkembang kepada hampir RM6 bilion pada tahun yang sama, dengan kadar pertumbuhan 7.6 peratus.

Dr Mahathir berkata syarikat dan perniagaan Bumiputera masih terlalu rapuh dan mudah dirosakkan oleh faktor-faktor seperti kegawatan dan pertumbuhan ekonomi yang rendah.

Sebagai sebahagian usaha penyusunan semula, Perdana Menteri berkata kerajaan akan memberi penekanan kepada usaha menyusun semula pekerjaan bagi memastikan corak pekerjaan dapat mencerminkan komposisi etnik dan negara.

"Kita telah menyaksikan bahawa terdapatnya peningkatan dalam penyertaan Bumiputera dalam kategori pekerja profesional, pengurusan dan pekerjaan berpendapatan tinggi yang lain."

Beliau berkata bagi lapan pekerjaan profesional terpilih iaitu akauntan, arkitek, doktor, doktor gigi, doktor haiwan, jurutera, juruukur dan peguam, nisbah bilangan Bumiputera yang berdaftar telah meningkat daripada 35.5 peratus pada 2000 kepada 37.2 peratus pada 2002.

Dr Mahathir berkata pendidikan dan latihan akan kekal sebagai pendekatan terpenting untuk mencapai objektif penstrukturan semula pekerjaan.

Katanya bantuan akan diberikan kepada pelajar Bumiputera yang berkelayakan untuk menuntut di institusi pendidikan tinggi awam dan swasta, terutama dalam bidang sains, Teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) dan

kursus profesional.

Langkah untuk meningkatkan penglibatan bukan Bumiputera dalam perkhidmatan awam akan diteruskan terutama dalam profesion yang kurang diceburi bukan Bumiputera seperti perguruan, kejururawatan, polis dan tentera.

-- BERNAMA
MFJ MFJ LAT